

21/08/2003

Al-Quran menggariskan tujuh sifat untuk capai kejayaan

Yusoff Zaky Omar

SEBAGAI umat Islam kita dituntut supaya membaca, mentafsir, memahami, menghayati dan mengamalkan ajaran daripada ayat Al-Quran.

Berkat usaha gigih ulama terdahulu untuk menterjemahkannya kepada bahasa yang difahami walaupun mendapat tentangan sesetengah ulama di sekitar 1920-an, akhirnya dengan rahmat Allah usaha itu diterima dan dipersetujui sebagai fardu kifayah untuk menyampaikan isi kandungan Kitabullah.

Hari ini, untuk mendapatkan terjemahan al-Quran bukanlah sesuatu yang sukar. Maka wajarlah kita bersyukur dan berterima kasih kepada ulama yang bertungkus lumus mengeluarkan permata yang belum lagi habis daripada al-Quran.

Kita juga harus menyokong usaha berterusan untuk mengeluarkan hikmah dan panduan hidup daripada al-Quran dan menggilapnya agar lebih bersinar.

Seperti disarankan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, iaitu supaya al-Quran terus diterjemahkan kepada keadaan masa kini agar lebih jelas dan terang kepada masyarakat untuk dijadikan pedoman.

Sebagai umat Islam di Malaysia kita harus bersyukur kerana telah dikurniakan contoh yang sangat bererti buat rakyat Malaysia iaitu kejayaan pimpinan dan kemajuan di bawah kerajaan Dr Mahathir.

Ini kerana jika dihayati sifat yang harus dimiliki untuk berjaya seperti yang dinyatakan di dalam al-Quran dan kejayaan yang direalisasikan oleh Perdana Menteri, ia menjadi bukti bagi mengukuhkan keyakinan kita akan kebenaran al-Quran.

Al-Quran telah menggariskan tujuh sifat yang perlu ada pada setiap orang yang beriman untuk mendapatkan kejayaan dan ia tertera di dalam surah al-Mukminun ayat 1 hingga 10.

Sifat itu ialah khusyuk dalam sembahyang, meninggalkan cakap kosong, menunaikan zakat, menjaga kehormatan, memelihara amanah, menepati janji dan memelihara sembahyang.

Semua sifat itu bukanlah sesuatu yang mustahil untuk dimiliki jika kita mahu berusaha ke arah itu, tetapi hakikatnya tidak ramai di antara kita yang kukuh keyakinan bahawa ia akan benar-benar memberi kejayaan seperti yang dijanjikan Allah.

Untuk meraih kejayaan dalam perniagaan misalnya, ramai di antara kita berpendapat dengan mengamalkan sifat itu maka sukarlah untuk memperoleh sesuatu kontrak kerana sukar untuk membuat hubungan perniagaan tanpa berkunjung ke kelab hiburan atau jika bukan jenis kaki perempuan.

Sebenarnya apabila kita meneliti sejarah, membaca buku rahsia kejayaan atau memerhati sifat yang ada pada mereka yang mencipta kejayaan, tidak dapat dinafikan mereka mempunyai akhlak yang baik dan sifat yang terpuji.

Bagi umat Islam ia sepatutnya menjadi lebih mudah diperoleh kerana latihan untuk mendapatkan daya tumpu atau fokus, kecekalan menghadapi cabaran dalam menyempurnakan sesuatu, tertib, rendah hati serta disiplin dan ketepatan waktu ada dalam rahsia khusyuk dan memelihara sembahyang.

Menunaikan zakat akan memberi kesan kepada masyarakat, membina hubungan yang harmoni dan dapat menghambat rasa sombong dan takbur yang mengakibatkan rasa dengki dan cemburu terhadap orang lain.

Memelihara amanah dan menepati janji akan meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap apa saja yang kita lakukan, malah ia adalah prinsip utama dalam meraih kejayaan.

Misalnya, jika seseorang peniaga tidak melaksanakan sesuatu kontrak

dengan sempurna dalam waktu yang dipersetujui, perniagaannya pasti akan melalui jalan sukar kerana tiada siapa akan memberi peluang perniagaan kepadanya lagi dan tambah buruk berita keburukannya akan cepat tersebar.

Meninggalkan cakap kosong bermaksud mengisi jadual kita dengan perkara berfaedah dan setiap masa yang terluang akan digunakan untuk membaca dan mencari maklumat yang berguna.

Ilmu perlu ditimba selagi hayat masih ada kerana pengetahuan masa kini tidak mencukupi untuk menangani situasi dan cabaran masa depan.

Berhenti membaca bererti menyekat kebenaran dan kita akan lebih mudah dipengaruhi oleh mereka yang mempunyai agenda tersendiri seperti Pas atau Jemaah Islamiah yang secara terang menimbulkan perpecahan dan memberi tafsiran yang sempit terhadap al-Quran sehingga mewujudkan imej yang negatif terhadap Islam.

Yakinlah kepada isi al-Quran dan ambillah kejayaan Dr Mahathir sebagai contoh agar semakin kental keyakinan kita untuk sama-sama membina kejayaan dan bangsa yang bermaruah.

YUSOFF ZAKY OMAR,
Alor Star, Kedah.